



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN HARTA LUCUT HAK SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

Kementerian atau Jabatan:

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
IBU PEJABAT SPRM
NO. 2, LEBUH WAWASAN,
PRESINT 7, 62250 PUTRAJAYA.

Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli Harta Lucut Hak seperti berikut:-

LOT.	KETERANGAN ITEM	NO. PENDAFTARAN KENDERAAN	HARGA SIMPANAN (RM)	DEPOSIT SEBUT HARGA (RM)
1	HARLEY DAVIDSON Tahun 2011	JQU7171	40,000.00	2,000.00
2	BMW 320I Tahun 2012	WXK268	35,000.00	1,800.00
3	BASIKAL ROADBIKE (Jenama Sworks)	TB	37,980.00	1,900.00
4	BASIKAL S-WORKS, Specialized Venge S Disc Di2 CARB	TB	17,000.00	900.00
5	BASIKAL MOUNTAIN BIKE (Jenama Bianchi)	TB	2,700.00	140.00

Jadual 1

2. Penyebut harga yang berminat digalakkan hadir untuk melihat item-item berkenaan. Item-item ini boleh dilihat pada **4 Disember 2023 hingga 6 Disember 2023** antara jam **10.00 pagi hingga 04.00 petang** di lokasi seperti berikut:

LOT ITEM	LOKASI ITEM DIPAMERKAN	PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI
1 & 2	SPRM JOHOR Kompleks Pejabat SPRM Johor, Peti Surat 6000, Jalan Persiaran Tanjung, 81200, Johor	Ps Woon Yee Nee (012-440 6588)
3, 4 & 5	IBU PEJABAT SPRM No. 2, Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250, Putrajaya.	PsK Mohamad Sabri bin Mohd Latif (017-2582415)

3. Syarat-syarat dan peraturan sebut harga adalah seperti berikut:
- a) **Urusan berkaitan pembayaran deposit akan bermula pada 5 Disember 2023 hingga 18 Disember 2023 (hari bekerja), jam 9.00 pagi hingga jam 3.00 petang. Kaunter pembayaran akan ditutup semasa waktu rehat. Waktu rehat adalah pada jam 1.00 tengah hari – 2.00 petang (Isnin-Khamis) dan jam 12.15 tengah hari – 2.45 petang (Jumaat). Pembayaran deposit yang dilakukan sebelum atau selepas daripada tarikh ini tidak akan dilayan.**
 - b) **Penyebut harga dikehendaki menyertakan deposit sebut harga seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1. Deposit sebut harga hendaklah dibuat dalam bentuk *bank draf* daripada bank berlesen atas nama KETUA PESURUHJAYA SPRM dan dibayar di kaunter pembayaran Bahagian Kewangan, Akaun dan Pembangunan, Aras 9, Blok A, Ibu Pejabat SPRM. Sila dapatkan resit selepas pembayaran.**
 - c) Setiap tawaran lot hendaklah menggunakan borang tawaran yang berasingan dan bayaran deposit yang berasingan. Sila masukkan satu borang tawaran dan satu set dokumen sahaja di dalam satu sampul surat. Sila kepilkan bersama:
 - i) Salinan Kad Pengenalan/Sijil Pendaftaran Syarikat;
 - ii) Salinan Penyata Akaun Bank individu/syarikat; dan
 - iii) Resit rasmi pembayaran deposit yang dikeluarkan oleh SPRM
 - d) Tawaran tanpa deposit sebut harga seperti yang dinyatakan, borang tawaran tanpa salinan resit rasmi pembayaran dan setiap borang yang tidak dikepilkan dokumen sokongan serta dokumen sokongan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
 - e) Semua barang adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
 - f) SPRM tidak bertanggungjawab ke atas barang yang telah dijual.

- g) Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
- h) Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh Surat Setuju Terima yang dikeluarkan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
- i) Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 1 minggu selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Suruhanjaya ini berhak untuk melupuskan harta lucut hak tersebut.

4. Penyebut harga yang berminat untuk menyertai tawaran sebut harga hendaklah menggunakan Borang Tawaran yang boleh diperolehi di alamat:

**Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Bahagian Kewangan, Akaun & Pembangunan
Cawangan Pembangunan,
Aras 8, Blok A,
No.2, Lebu Wawasan,
Presint 7,
62550 Putrajaya
Wilayah Persekutuan Putrajaya.**

Sebarang pertanyaan boleh hubungi Puan Nurlyana Syakinah binti Mahfoz (03-8891 1871), Cik Nurul Amalina binti Abdul Rashid (03-8891 1954) dan Puan Noor Khalilah binti Ghazali (03-8891 1101). Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.

5. Semua borang tawaran yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat *seal* dan ditanda dengan No Sebut Harga: 2023LH1 dan dihantar melalui serahan tangan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:

**Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Bahagian Kewangan, Akaun & Pembangunan
Aras 9, Blok A,
No.2, Lebu Wawasan,
Presint 7,
62550 Putrajaya
Wilayah Persekutuan Putrajaya.**

6. Tarikh tutup sebut harga adalah pada **18 Disember 2023, jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.


SUKAIRI BIN SAMSUDIN

Pengarah
Bahagian Kewangan, Akaun dan Pembangunan
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia